



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : **PDTSP/01/2026**

**KERJA-KERJA MEMBINA STRUKTUR BERBUMBUNG SERTA LAIN-LAIN KERJA
BERKAITAN DI TAMAN REKREASI BERSEBELAHAN PASAR AWAM PERKAMPUNGAN
JURU, BUKIT TENGAH**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkeelayakan dan memenuhi syarat di bawah:

- i) Berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang beralamat di **Pulau Pinang** di bawah kod bidang berikut yang masih sah tempoh lakunya:
 - **Gred G3;**
 - **Kategori B04 & B15;**
 - **Pengkhususan CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam); dan**
 - **Sijil Bertaraf Bumiputera yang Sah.**
- ii) Mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **CIDB** yang beralamat di **Pulau Pinang** yang masih sah tempoh lakunya;

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh	:	04 Ogos 2026 (Selasa)
Masa	:	10.00 pagi – 10.30 pagi
Tempat	:	Taman Rekreasi bersebelahan Pasar Awam Perkampungan Juru, Bukit Tengah
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat sahaja (Wakil tidak dibenarkan)

3. Tuan/Puan adalah diminta untuk membawa bersama dokumen-dokumen seperti senarai di bawah (dokumen asal) semasa sesi taklimat/lawatan tapak bagi tujuan semakan urusetia.

- i) MyKad/Kad Pengenalan Pemilik Syarikat;
- ii) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB);
- iii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB);
- iv) Sijil Taraf Bumiputera;
- v) Sijil Pendaftaran Syarikat Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP);
- vi) Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; dan
- vii) Cop Syarikat.

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM15.00** secara atas talian dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **04 Ogos 2026 (Selasa)**. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sysP serta menghadiri taklimat/lawatan tapak sahaja boleh membeli dokumen sebut harga.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 11 Ogos 2026 (Selasa) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Jalan Betek, Sungai Rambai, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.



(DATO' KAMARUL HAIZAL BIN KODERAT)

Pegawai Daerah
Seberang Perai Tengah
Bukit Mertajam